



KENTATAAN MEDIA

SWM KASIH BACK TO SCHOOL BANTU 60 ORANG MURID

JOHOR BAHRU, 26 MAC – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) terus melunaskan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyalurkan sumbangan berbentuk kelengkapan persekolahan kepada 60 orang murid sekolah rendah dari sekitar kawasan Bandaraya Johor Bahru melalui penganjuran Program SWM Kasih Back To School.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, kerjasama antara SWM Environment dan sekolah bukan sekadar tertumpu kepada usaha membentuk generasi muda tentang pengurusan sisa mampan malah turut memberi perhatian kepada kebajikan dan kesejahteraan murid-murid untuk menjalani sesi persekolahan yang kembali dibuka baru-baru ini.

“Sumbangan SWM Kasih Back To School berbentuk set pakaian, beg dan kasut sekolah yang disalurkan kepada 30 orang murid daripada keluarga berpendapatan rendah dari Program Perumahan Rakyat (PPR) Larkin. Sumbangan kepada kumpulan penerima ini selari dengan hasrat pihak SWM Environment untuk meringankan beban ibu bapa membuat persediaan persekolahan anak-anak mereka,” jelas beliau lagi.

SWM Environment turut memperuntukkan 30 set sumbangan SWM Kasih kepada murid dari SK Taman Suria, SK Taman Damansara Aliff dan SJK (C) Foon Yew 1 bagi menghargaisekolah-sekolah tersebut yang secara berterusan aktif dalam menjayakan program kitar semula berganjaran, KITARecycle melalui Pertandingan Jom Kitar Semula Botol Kaca, Pertandingan Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC) dan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah (PerKISS).

Majlis Penyerahan Sumbangan SWM Kasih Back To School tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) merangkap Ahli Parlimen Johor Bahru, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah SWCorp Negeri Johor, Puan Rafidah binti Mohamed dan Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin.

Pihak SWM Environment berharap agar sumbangan SWM Kasih tersebut dapat membantu dan menceriakan sesi persekolahan murid-murid berkenaan pada tahun ini. Sementara itu, pelbagai inisiatif Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) SWM Environment juga akan diperluaskan kepada sekolah-sekolah di seluruh pelusuk negeri Johor.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : livingwater.ponnusamy@swmsb.com